

08 MAR 1999

Sabah-Personaliti

CABARAN HIDUP MATI BAGI ENAM PERSONALITI POLITIK SABAH

KOTA KINABALU, 8 Mac (Bernama) -- Pilihan raya negeri Sabah pada Jumaat dan Sabtu ini akan menyaksikan enam personaliti utama politik negeri itu menghadapi cabaran hidup mati dalam karier politik mereka.

Menang atau kalah membawa implikasi besar kepada masa depan parti dan masyarakat pimpinan mereka selain karier politik mereka sendiri.

Enam personaliti itu daripada tiga parti politik utama - Barisan Nasional (BN), Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Bersekutu -- ialah:

++ TAN SRI BERNARD DOMPOK

Dompok ialah Ketua Menteri kini dan Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) yang dibentuknya setelah meninggalkan PBS selepas pilihan raya negeri 1994. Beliau bertanding semula di kawasan pilihan raya Moyog yang majoriti pengundinya ialah daripada masyarakat Kadazandusun.

Dompok yang merupakan wakil rakyat bagi Moyog - satu daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri di Sabah - sejak 1986 buat pertama kali memenangi kerusi itu sebagai calon PBS dan kali ini akan ditentang lima lagi calon.

Kini berusia 50 tahun, mula memegang jawatan Ketua Menteri pada Mei 1998, di bawah sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri yang diperkenalkan oleh BN.

Beliau telah menyatakan keyakinannya untuk memenangi kerusi itu, tetapi berkata akan bersara daripada politik jika 22,616 pengundi di Moyog tidak menerimanya.

Masyarakat Kadazandusun akan mengalami kehilangan besar jika Dompok tewas serta sebuah lagi parti Kadazandusun, PBS pimpinan Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan gagal membentuk kerajaan.

Dompok yang mempunyai ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Tanah merupakan anggota Parlimen Penampang dari 1986 sehingga tewas pada pilihan raya umum 1995.

Calon-calon PDS akan bertanding di 12 kawasan pilihan raya kebanyakannya di kawasan majoriti pengundi Kadazandusun.

++ DATUK YONG TECK LEE

Bekas Ketua Menteri di bawah sistem penggiliran jawatan itu, Yong akan mempertahankan kawasan Dewan Undangan Negeri Likas di pinggir ibu negeri dan dicabar oleh seorang lagi bekas Ketua Menteri Datuk Harris Salleh dan empat yang lain.

Yong yang juga presiden Parti Maju Sabah (SAPP), merupakan wakil rakyat bagi Likas untuk empat penggal. SAPP akan menurunkan lima calon dalam pilihan raya negeri kali ini.

Yong seorang peguam sebelum ini mewakili PBS, dan pertama kali memenangi kerusi Likas pada 1985, tahun yang sama PBS menjatuhkan kerajaan parti Berjaya yang pada masa itu diketuai oleh Datuk Harris Salleh.

Sebelum pilihan raya negeri 1994, beliau meninggalkan PBS untuk membentuk SAPP yang berjaya memenangi beberapa kerusi Cina dalam BN.

Beliau telah diminta oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Abdullah Badawi untuk bekerja lebih keras untuk menawan semula kerusi Likas.

++ DATUK OSU HAJI SUKAM

Ketua Perhubungan Umno Sabah akan mempertahankan kerusi Kawang yang dimenangnya dengan majoriti tipis dalam pilihan raya negeri lepas.

Osu merupakan Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Negeri

sebelum pembubaran Dewan Undangan Negeri pada 22 Feb lepas dan diramalkan dilantik sebagai Ketua Menteri baru selepas Tan Sri Bernard Dompok menamatkan tempoh perkhidmatan dua tahunnya di bawah sistem penggiliran itu.

Beliau dan Dompok kini mengetuai operasi BN negeri dalam pilihan raya itu.

Osu sebelum ini merupakan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi dengan Kerajaan Persekutuan, sebelum beralih ke politik negeri dan memimpin Umno negeri.

Beliau merupakan salah seorang daripada pemimpin dalam Usno yang pada satu masa dahulu memerintah negeri di bawah bayu itu di bawah pimpinan "Bapa Kemerdekaan Sabah" Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun.

#### ++ DATUK HARRIS MOHD SALLEH

Pada usia 68 tahun, bekas Ketua Menteri Harris Salleh, membuat percubaan kali kedua untuk kembali berkuasa selepas parti lamanya Berjaya ditewaskan dalam pilihan raya negeri 1985 oleh parti baru pada masa itu PBS.

Beliau kini pemangku presiden Parti Bersekutu yang bertanding di semua 48 kawasan pilihan raya negeri. Beliau sendiri akan bertanding bagi kerusi Likas.

Harris yang dilantik sebagai Ketua Menteri keenam pada Jun 1976, memerintah Sabah di bawah Parti Berjaya untuk sembilan setengah tahun.

Beliau telah menyatakan impiannya untuk membentuk Kerajaan Negeri akan datang berdasarkan kepada keyakinannya terhadap rekod pembangunan dan kestabilan sosio-politik yang dialami oleh negeri itu semasa beliau berkuasa.

Harris yang mempunyai hubungan baik dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa menerajui Sabah, kini dianggap oleh Perdana Menteri sebagai pemecah undi dalam pilihan raya kali ini.

Harris menuntut undang-undang di London, dan pernah menjadi anggota Parlimen sebelum ini. Beliau tidak suka dengan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri dan mendakwa berada dalam kedudukan terbaik untuk menangani masalah ekonomi yang dihadapi oleh negeri itu.

#### ++ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN

Huoguan Siou atau pemimpin teragung Kadazandusun, Pairin, 59, antara Ketua Menteri yang paling lama berkhidmat di Sabah, sehingga meletakkan jawatan selepas pilihan raya negeri 1994 apabila partinya hilang majoriti dalam Dewan Undangan Negeri selepas beberapa wakil rakyat PBS menyertai BN.

Pairin merupakan presiden parti PBS yang akan bertanding di semua 48 kawasan pilihan raya negeri. Anggota-anggota kempennya berkata singkatan PBS bermaksud 'Parti Berkuasa Semula'.

Pairin yang juga anggota Dewan Undangan Negeri bagi Tambunan sejak pemerintahan Berjaya, akan mempertahankan kerusi itu daripada tiga pencabar lain. Dengan kelebihan padanya sebagai pemimpin teragung Kadazandusun, kebanyakan pemerhati politik percaya beliau akan menang dengan mudah di Tambunan.

Antara 11,086 pengundi di kawasan pilihan raya itu, 10,058 atau lebih 90 peratus daripadanya adalah pengundi Kadazandusun.

Pairin seorang peguam bagaimanapun tidak mempunyai hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan.

#### ++ SENATOR DATUK CHONG KAH KIAT

Chong, yang baru-baru ini meletakkan jawatannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bertanding di Kudat sekali lagi, dan pernah menjadi wakil rakyat kawasan itu semasa pemerintahan Berjaya.

Kali ini, Chong, 51, yang juga presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) - satu daripada sembilan komponen BN Sabah dicabar oleh tiga lagi calon di kawasan pilihan raya yang terletak di timur laut Sabah.

Seorang lagi calon LDP ialah naib presiden parti itu Wong Lien Tat yang bertanding bagi kerusi Karamunting dengan tiga lagi calon.

Seperti juga parti-parti Cina yang lain, LDP bersaing untuk mendapatkan sokongan daripada 300,000 penduduk Cina di negeri itu. Terdapat 142,801 pengundi Cina di negeri itu.

Dalam pilihan raya negeri 1995, Chong, seorang peguam ditewaskan di kawasan Parlimen Marudu oleh Datu Amir Kahar Tun Datu Mustapha daripada PBS. Amir Kahar kini dalam Umno dan bertanding bagi kerusi Banggi di bawah BN.

Chong yang dilantik sebagai senator dan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada Jun 1995, yakin beliau akan memenangi kerusi Kudat bagi BN.

-- BERNAMA

EL AM PR